

PM ingatkan menteri patuhi etika kerja

UM 26 DEC 1999

Oleh JOHARDY IBRAHIM

PUTRAJAYA 24 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan semua menteri supaya mematuhi tanggungjawab dan etika kerja termasuk tidak boleh mempunyai kepentingan perniagaan.

Jika ada, mereka perlu melepaskan jawatan yang dipegang dalam mana-mana syarikat.

Perdana Menteri juga mahu menteri menjalankan tugas dengan jujur, cekap dan efisien dan tidak mahu menteri hanya pandai mengarah pegawai mereka supaya bekerja dengan etika yang baik.

Perkara tersebut adalah antara 13 ciri tanggungjawab seorang menteri dan 14 perkara berkaitan etika yang Dr. Mahathir mahu menteri telaksanakannya pada mesyuarat pertama kabinet baru, 15 Disember lalu.

Perkara ini dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi, kepada pemberita selepas mempekerusikan mesyuarat Jawatankuasa dan Keutuhan Kerajaan, di sini hari ini.

Antara yang hadir pada mesyuarat itu ialah menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr. Abdul Hamid Othman dan Datuk Rais Yatim; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali.

Abdullah seterusnya berkata, Perdana Menteri tidak mahu menterinya mempunyai kepentingan perniagaan semasa memegang jawatan itu.

"Jika ada, dia mesti letak jawatan. Apabila

berlaku apa-apa perbincangan yang berkaitan dengan syarikat keluarganya, dia mesti mengakui ia mempunyai kepentingan dan mesti keluar daripada mesyuarat," tambahnya.

Beliau berkata, Perdana Menteri juga mengarahkan semua menteri mematuhi arahan mengenai tanggungjawab dan etika kerja mereka dalam melaksanakan tugas.

"Arahan tersebut menekankan perlunya jemaah menteri menjalankan tugas dengan jujur, cekap dan efisien selaras dengan kerajaan yang berwawasan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jemaah menteri mesti memastikan keputusan dan janji kerajaan dilaksanakan dengan segera dan berkesan.

Keputusan

Sebab itulah, katanya, Perdana Menteri menasihati semua menteri memahami betul-betul kandungan manifesto Barisan Nasional pada pilihan raya lalu.

"Saya berpendapat langkah Perdana Menteri itu adalah penting bagi pegawai-pegawai kerajaan memahami peranan dan tugas menteri.

"Kita tidak mahu orang menganggap menteri-menteri hanya pandai menyuruh pegawai bekerja dengan etika yang baik sedangkan apakah pula etika menteri.

"Insya-Allah dengan cara ini para pegawai kerajaan juga akan memahami bahawa menteri-menteri akan bergerak dan bekerja dengan cara memimpin melalui teladan yang baik," katanya.

Abdullah berkata, jemaah menteri diharap

bekerja dengan telus, rajin dan terbuka dan mesti mendekati pegawai-pegawainya serta bekerja rapat dengan mereka.

"Menerusi cara ini, program atau perancangan boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin. Menteri mesti memastikan prosedur-prosedur birokrasi yang melambatkan sesuatu projek dikenal pasti dan diatasi dengan segera," ujarnya.

Kata Abdullah, menteri-menteri juga bertanggungjawab membuat langkah susulan mengenai pelaksanaan arahan-arahan yang diberikan kepada para pegawai dan menyamak kedudukan semasa sesuatu projek.

Selain itu, ujarnya, menteri juga mesti memastikan setiap pegawai mempunyai manual prosedur kerja masing-masing supaya kerja-kerja dilaksanakan secara betul dan tidak lambat.

"Di samping itu juga, menteri hendaklah mengadakan mesyuarat sekali dalam dua minggu untuk membincangkan hal-hal kedudukan pelaksanaan projek-projek di bawah kementeriannya atau yang berkaitan dengan pandangan rakyat terhadap kementerian itu.

"Jemaah menteri juga diingatkan supaya sentiasa mengamalkan konsep kerja bertanggunjawab bersama," kata beliau.

Abdullah turut mengingatkan pegawai kerajaan supaya mengaktikan semula sistem kerja Pusingan Kawalan Mutu Kerja (QCC) supaya mereka boleh berbincang bagaimana untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.